

ARAHAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BIL. 4/1976.

PINDAHMILIK PESAKA (TRANSMISSION)
MENGIKUT AKTA (PEMBAHAGIAN) PESAKA KECIL, 1955 (AKTA 98)

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian semua PHT akan peruntukan-peruntukan dibawah Sek. 104 dan 105 Enakmen Tanah Kelantan, 1938 (No. 26 tahun 1938) dan juga peruntukan dibawah Sek. 7(i) hingga 7(vi) Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu 1930 (No. 18 tahun 1930).

2. Sek. 104 dan 105 Enakmen Tanah Kelantan, 1938, menegah tanah-tanah yang dimiliki oleh Anak-anak Kelantan (native of Kelantan) daripada dipindahmilik kepada orang-orang yang bukan Peranakan Kelantan. Dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan Raja dalam Mesyuarat. Sunggohpun begitu Sek. 7(i)(a) Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu, 1930 pula membenarkan pindahmilik pesaka (Transmission) bagi tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang yang bukan Melayu kepada orang-orang yang bukan Melayu yang lain yang terdiri dari anak-anaknya yang sebenar (natural heirs), suami atau isteri (spouse), ibubapa, adik beradik atau dalam hal seorang kanak-kanak yang belum cukup umur kepada Penjaga/Pemegang Amanah atau kepada seorang Pentadbir yang dilantik, megikut mana-mana yang berkenaan.

3. Mengikut sek. 13(5) Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil, 1955 PHT selaku Hakim Pesaka, boleh membuat perintah, jika berpuashati, supaya tanah-tanah yang telah dijual oleh simati, dipindahmilik kepada seorang pembeli yang sebenar (purchaser). Sek.2 Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil, 1955 mentakrifkan 'pembeli yang sebenar' (purchaser) dan juga diterangkan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan galian Persekutuan Bilangan 9/1975 bagaimana salinan berkembar.

4. Kuasa2 dibawah Sek. 13 dan 15 Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil, 1955 ini nampaknya tidak ada apa-apa sekatan atau pengecualian, tentang siapa yang akan menerima pindahmilik pesaka bagi tanah itu, pada hal sek. 104 Enakmen Tanah Kelantan, 1938 dan Sek. 7(vi)(a) Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anaka-anak Melayu, 1930 menyekat pindahmilik dibawah Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil 1955.

5. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa dalam Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil, 1955 tidak ada peruntukan khas yang menjamin atau memberi perlindungan dalam hal itu untuk Negeri Kelantan sedangkan bagi beberapa Negeri lain dalam Malaysia ada diperuntukkan supaya selaras dengan kehendak undang-undang atau adat resam bagi masing-masing Negeri. Peruntukan² yang dimaksudkan itu adalah bagaimana berikut :-

- (a) BAHAGIAN III - Peruntukan Khas Untuk Negeri Sembilan
- (b) BAHAGIAN IV - Peruntukan Khas Untuk Negeri Sabah
- (c) Seksyen³⁴ - Peruntukan Khas Untuk Negeri
(Jadual Ketiga) Melaka dan Pulau Pinang

6. Oleh kerana tidak ada peruntukan-peruntukan khas dalam Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil, 1955 untuk menjaga kepentingan Sek.104 Enakmen Tanah Kelantan, 1938 dan Sek. 7(vi)(a) Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-anak Melayu, 1930 maka Arahan ini dikeluarkan dengan tujuan supaya semua PHT apabila membincangkan kes-kes pesaka dibawah Akta tersebut hendaklah sentiasa mengambil perhitungan akan kandungan dan kehendak yang diperuntukkan dalam sek. 104 Enakmen Tanah Kelantan, 1938 dan sek. 7(vi)(a) Enakmen Simpanan Tanah Bagi Anak-Anak Melayu, 1930.

7. Sayugia diingatkan bahawa jika kehendak kedua-dua seksyen tersebut tidak dipatuh semasa membuat perintah pesaka maka perintah itu tidak akan didaftarkan oleh Pihak Pendaftar dan seterusnya akan ditolak oleh Pendaftar.

(Mohd Tajol Aros b.Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan.

Kepada: Semua PHT. dan Penolong PHT, Kelantan
s.k.
Y.B. Dato Setiausaha Kerajaan Kelantan
Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
Semua Pegawai-pegawai Jajahan Kelantan
Juru Odit Negeri Kelantan.
Pegawai Tadbir, L.K.T.N. Kelantan.
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan
Pengarah Ukur Negeri Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.**

PTG.KN. 4749 Pt. II(71)

28hb.Julai, 1976.